

Beberapa Pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī Mengenai Pendidikan Kanak-kanak Menerusi Karya *Tahrīr al-Maqāl*

Mohd Hasem Almuḍḍin

Universiti Malaya, kulambai655@gmail.com

Asyraf Isyraqi Jamil

Universiti Malaya, isyraqi@um.edu.my

Musaiyadah Ahmadun

Universiti Malaya, musaiyadah@siswa.um.edu.my

Abstrak

Pendidikan kanak-kanak merupakan bahagian yang penting dalam memastikan permulaan dan kelangsungan pendidikan manusia. Ini dibuktikan menerusi khazanah ilmiah Islam silam yang banyak membahaskan perkara ini seperti karya *Tahrīr al-Maqāl* yang dikarang oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī. Makalah ini meninjau pandangan beliau menerusi karya tersebut tentang perihal pendidikan kanak-kanak. Metode dokumentasi digunakan dalam pengumpulan data, manakala metode analisis kandungan yang merangkumi metode historis, induktif, deduktif dan komparatif digunakan dalam penelitian data. Beberapa pandangan penting diutarakan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam hal mendidik kanak-kanak seperti kefahaman terhadap ilmu dan kaedah pendidikan kanak-kanak, keutamaan terhadap pengajaran al-Qur'an bagi kanak-kanak, keperluan memiliki niat yang jelas dalam pengajaran kanak-kanak, kepentingan mengelak syahwat dan fitnah terhadap kanak-kanak, kesediaan melaksana hukuman memukul (*ḍarb*) berdasarkan sebab dan cara yang benar serta betul terhadap kanak-kanak, keperluan melatih kanak-kanak yang lebih cerdas untuk membantu rakan-rakannya yang lain dan kepentingan merahmati, mengasihi dan mengambil berat hal-ehwal kanak-kanak. Pandangan-pandangan yang diutarakan juga adalah seiring dengan perbincangan para ilmuwan Islam dalam karya-karya mereka berkenaan pendidikan kanak-kanak.

Kata kunci: Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, pendidikan kanak-kanak, pendidikan Islam

Ibn Ḥajar al-Haytamī Views of Children's Education Through His Book Tahrīr al-Maqāl

Abstract

Children's education is an important part of ensuring the continuity of education and the beginning of mankind. This is demonstrated in the past Islamic scientific heritage that had been debating regarding

this issue such as Taḥrīr al-Maqāl written by Ibn Ḥajar al-Haytamī. This article reviews the work through his thoughts on the subject of children's education. Documentation methods used in data collection, while the methods of content analysis that includes the historical method, inductive, deductive and comparative were used in research data. Some important views expressed by Ibn Ḥajar al-Haytamī in terms of educating children as the understanding of the science and methods of education of children, preference for teaching the Koran to children, the need to have a clear intention in teaching children, the importance of avoiding sexual attraction against children, readiness to implement corporal punishment (ḍarb) based on the reasons and the right way towards the child. The needs of children to be trained smarter to help other friends and the importance of mercy, love and care for the affairs of the children. The views expressed are also in line with Muslim scholars in their works regarding children education.

Keywords: *Ibn Ḥajar al-Haytamī, Taḥrīr al-Maqāl, child education, Islamic education*

Pendahuluan

Kanak-kanak sememangnya menjadi tumpuan perbincangan para ilmuwan dahulu dan kini sama ada di Timur mahupun Barat. Perbincangan yang meluas ini tidak terhad hanya kepada bidang akhlak dan pendidikan sahaja, malah melangkaui ke bidang fiqh, sastera, perubatan dan sebagainya. Dalam bidang akhlak dan pendidikan contohnya, ramai ilmuwan Muslim yang terkenal telah membicarakan berkenaan pendidikan kanak-kanak seperti Abu Hāmid al-Ghazzālī (m. 1111) menerusi karya *Ayyu-hā al-Walad* dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 1350) menerusi karya *Tuhfat al-Mawdūd bi-Aḥkām al-Mawlūd*. Jika dilihat dalam bidang fiqh contohnya, al-'Imām al-Shāfi'ī (m. 820) juga menyentuh perihal seorang guru dan anak murid dalam karyanya yang terkenal *al-Umm* dan Ibn Hazm al-Andalusī (m. 1064) pula melalui karyanya *al-Muḥallā bi al-'Athār*. Jika ditelusuri bidang sastera Arab, tidak ketinggalan juga dibahaskan perihal kanak-kanak seperti Abu Manṣūr al-Tha'ālabī (m. 1038) dalam karyanya *al-Tamthīl wa al-Muḥādarah*. Begitu juga dalam bidang perubatan seperti Abu al-Ḥasan Aḥmad Muḥammad al-Ṭabarī (m. 976) dalam karyanya *al-Ṭabīb al-'Arabī* yang dianggap sebagai sebuah buku yang tertua juga membahaskan tentang pengubatan kanak-kanak (*Ṭibb al-*

Atfāl).¹ Selain para ilmuwan Muslim, ahli-ahli falsafah Barat seperti Augustine of Hippo (m. 430) melalui ‘De Magistro (The Teacher)’, John Locke (m. 1704) melalui ‘An Essay to Understand Human Understanding’ dan Jean Rousseau (m. 1778) melalui ‘Emile: or On Education’ juga ada membicarakan tentang hal-hal yang sama dalam karya-karya mereka.

Makalah ini merupakan pengenalan terhadap beberapa pandangan seorang tokoh ilmuwan Muslim iaitu Ibn Hajar al-Haytamī tentang pendidikan kanak-kanak menerusi karyanya *Tahrīr al-Maqāl fī Ādāb wa-Aḥkām wa-Fawā'id Yaḥtāj Ilay-hā Mu'addib al-Atfāl* (Perincian Kata Tentang Adab, Hukum dan Faedah Yang Diperlukan oleh Pendidik Kanak-kanak). Makalah ini memberikan gambaran secara umum tentang adab dan hukum serta beberapa perkara yang berkaitan dengan ilmu dan kaedah mendidik kanak-kanak dari sudut pandangan seorang ilmuwan Muslim. Ibn Hajar al-Haytamī telah menyediakan satu dasar pendidikan kanak-kanak yang dibina berasaskan kerangka pemikiran Islam. Dasar tersebut seterusnya berupaya untuk diteliti lebih mendalam ke arah penerapannya dalam sistem pendidikan masa kini.

Biografi Ibn Hajar al-Haytamī

Nama penuh beliau ialah Aḥmad bin Muḥammad Badr al-Dīn bin Muḥammad Shams al-Dīn bin ‘Alī Nūr al-Dīn bin Hajar al-Haytamī.² Al-Haytamī ialah nisbah kepada tempat kelahiran beliau iaitu Maḥallah Abu al-Haytam, satu kawasan di barat Mesir.³ Terdapat beberapa nisbah lain yang disandarkan kepada beliau iaitu al-Salmunti sebagai nisbah kepada asal keluarganya dari kawasan timur Mesir sebelum berpindah ke Maḥallah Abu al-Haytam,⁴ al-Azharī sebagai nisbah kepada tempat beliau menuntut

¹ Al-Sarjāni, Rāghib. *Qiṣṣah al-'Ulūm al-Ḥaḍārah al-Islamiyyah*. (al-Qāhirah: Mu'assasah Iqra', 2009), 64.

² Al-Sayfī. Abu Bakr bin Muḥammad. *Nafāis al-Durar Fī Tarjamah Shayikh al-Islam Ibn Hajar*, no. 26/6, Perpustakaan Universiti Malik Soud.

³ Al-Sayfī. Nafāis al-Durar; Ibn al-'Imād Shihāb al-Dīn 'Abd al-Ḥayy. *Shadharāt al-Dhahab fī 'Akhbār Man Dhahab*. (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1986), 10:541.

⁴ Al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad Ibn Hajar. *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*, (t.tp: Dār al-Fikr, t.t), 1:1; petikan ini diambil dari mukadimah kitab *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*. Mukadimah ini bukannya ditulis oleh Ibn

ilmu iaitu al-Azhar al-Sharīf,⁵ al-Sa‘dī sebagai nisbah kepada Bani Sa‘d yang berada di kawasan timur Mesir,⁶ al-Anṣari sebagai nisbah kepada Bani Sa‘d yang susur galur mereka sampai kepada para sahabat al-Anṣār namun dilarang oleh Ibn Hajar al-Haytamī untuk ditulis nisbah ini kerana kewarakannya,⁷ dan al-Shāfi‘ī sebagai nisbah kepada mazhab beliau iaitu mazhab al-Imām Muḥammad bin Idris al-Shāfi‘ī.⁸

Ibn Hajar al-Haytamī dilahirkan pada tahun 909 H/ 1503 M dan beliau dipelihara oleh dua orang ilmuwan setelah kematian bapanya iaitu Shams al-Dīn Abu al-Hamā’il dan Shams al-Dīn al-Shanāwī. Beliau menuntut ilmu di Mesir dengan beberapa orang ilmuwan seperti al-Qādi Zakariyyā al-Anṣari, al-‘Allāmah al-Amīn al-Ghumārī, Shihab al-Dīn al-Ramlī al-Shāfi‘ī dan Shihāb al-Dīn bin al-Najjār al-Ḥanbalī.⁹

Ibn Hajar al-Haytamī menetap di Mesir dan mengajar di sana sehingga tahun 940 H/ 1533 M apabila beliau kemudiannya berpindah ke Makkah dan mula mengajar di situ. Antara peribadi yang pernah menjadi murid beliau ialah al-Shaykh Aḥmad bin Qāsim al-‘Abbadī, al-Shaykh al-Burhān bin al-Ahdab, al-Shaykh ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Umar al-‘Amūdi dan al-Shaykh Muḥammad bin Aḥmad al-Fāqihī.¹⁰

Karya-karya yang pernah dihasilkan oleh Ibn Hajar al-Haytamī merangkumi pelbagai bidang seperti hadīth, aqidah, fiqh, akhlak, bahasa dan sastera Arab, falak, sirah nabawiyah, sejarah Islam dan biografi ilmuwan. Jumlah hasil tulisan beliau mencapai 117 buah karya.¹¹ Antara karya yang terkenal ialah *al-Fatāwā al-*

Hajar al-Haytamī tetapi oleh seorang muridnya iaitu Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Ali al-Fākīhī lahir pada 923 H dan wafat pada 982 H. Lihat Al-‘Aydārūs, ‘Abd al-Qādir bin Shaykh. *al-Nūr al-Sāfir ‘an ‘Akhbār al-Qarn al-‘Ashir*. (Bayrūt: Dār Ṣādir, 2001), 464; Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:582.

⁵ Lamyā’ Aḥmad Abdullah Shāfi‘ī, “Ibn Hajar al-Makkī wa Juhūduhu fi al-Kitābah al-Tārīkhiyyah”, (tesis kedoktoran, Universiti Umm Al-Qurā, 1996), 17; Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:541.

⁶ Al-‘Aydārūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 395; Al-Sayfī. *Nafāis al-Durar*.

⁷ Al-Haytamī, *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*, mukadimah.

⁸ ‘Abd al-Mu‘iz ‘Abd al-Ḥamīd. *Ibn Hajar al-Haytamī*, (al-Qāhirah: t.p, 1981), 27.

⁹ Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz, *Ārā’ Ibn Hajar al-Haytamī al-I’tiqādiyyah*, (Riyād: Maktabah Dār al-Manhaj, 2006) 35. Al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*.

¹⁰ Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz, *Ārā’ Ibn Hajar*, 38.

¹¹ Lamyā’, *Ibn Hajar al-Makkī wa Juhūduhu*, mukadimah.

Fihiyyah al-Kubrā, al-Faḥ al-Mubīn bi Sharḥ al-Arba'in, al-Fatāwā al-Ḥadīthiyyah.

Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal dunia pada tahun 974 H/ 1566 M¹² di Makkah dan dikebumikan di Perkuburan al-Ma'la di kawasan Turbah al-Tabariyyin.

Kandungan *Tahrīr Al-Maqāl*

Ibn Ḥajar al-Haytamī menjelaskan di bahagian pendahuluan *Tahrīr al-Maqāl* bahawa beliau telah ditanya dengan beberapa soalan oleh beberapa orang pendidik kanak-kanak pada tahun 957 H/ 1550 M.¹³ Setelah melihat kepada soalan-soalan dan jawapan-jawapan yang disediakannya, maka beliau berpandangan bahawa eloklah jawapan-jawapan tersebut dikarang dalam bentuk sebuah buku yang mengandungi pembahagian-pembahagiannya.

Maka lahirlah sebuah buku yang diberi tajuk *Tahrīr al-Maqāl fī Ādāb wa-Aḥkām wa-Fawā'id Yahtāj Ilay-hā Mu'addib al-Aṭfāl* (Perincian Kata Tentang Adab, Hukum dan Faedah Yang Diperlukan oleh Pendidik Kanak-kanak). Buku tersebut mengandungi satu *muqaddimah* (pendahuluan), tujuh *maqāsīd* (tujuan) dan satu *khātimah* (penutup) yang boleh diperincikan seperti berikut:

- *Muqaddimah* (Pendahuluan)
- *Maqsad Awwal* (Tujuan Pertama): Berkenaan Hadis-hadis Yang Menjadi Dalil Kemuliaan Ahli al-Qur'an
- *Maqsad Thāni* (Tujuan Kedua): Berkenaan Hadis-hadis Yang Berkaitan Kelebihan Pengajar dan Pelajar al-Qur'an
- *Maqsad Thālith* (Tujuan Ketiga): Berkenaan Keharusan Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur'an, Ruqyah Dengannya dan Sebagainya
- *Maqsad Rābi'* (Tujuan Keempat): Berkenaan Dalil Yang Melarang Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur'an

¹² Al-Sayfī. *Nafāis al-Durar*, 7; al-'Aydarūsi, *al-Nūr al-Sāfir*, 390; Najm al-Dīn al-Ghazzi. *al-Kawākib al-Sā'irah bi 'A'yāni al-Mi'ah al-'Ashirah*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1997), 3:102.

¹³ Al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar. *Tahrīr al-Maqāl fī Ādāb wa-Aḥkām wa-Fawā'id Yahtājju Ilayha Mu'addib al-Aṭfāl*, sunt. Muhammad Nur al-Dīn Marbu Banjar al-Makkī, (al-Qāhirah: Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh fi al-Dīn, 1997), 23.

- *Maqsad Khāmis* (Tujuan Kelima): Perbezaan Dalam Kalangan Ilmuwan Tentang Hal Tersebut (Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur'an)
- *Maqsad Sādis* (Tujuan Keenam): Peringatan Berkenaan Memandang Kepada *al-Marad* (Anak Kecil Yang Berwajah Lembut Sehingga Boleh Menimbulkan Syahwat atau Fitnah)
- *Maqsad Sābi'* (Tujuan Ketujuh): Berkenaan Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Yang Menjadi Sebab Pengarangan Buku Ini
- *Khātimah* (Penutup).

Ibn Hajar al-Haytami dan Pendidikan Kanak-kanak

Dalam menjawab persoalan-persoalan yang dilontarkan kepada Ibn Hajar al-Haytamī, dapat dilihat bahawa beliau telah menjelaskan beberapa pandangan yang berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak menerusi buku tersebut. Sebagai suatu pengenalan, maka disenaraikan pandangan-pandangan yang dimaksudkan itu yang perlu diberi perhatian oleh para pendidik khususnya pendidik kanak-kanak. Terdapat tujuh pandangan yang boleh dirumuskan daripada keseluruhan penulisan Ibn Hajar al-Haytamī dalam *Tahrīr al-Maqāl*. Mungkin terdapat pandangan-pandangan lain yang boleh difahami daripada penulisan buku tersebut, namun kertas ini hanya menyenaraikan pengenalan tujuh pandangan yang dapat difahami secara jelas dalam penulisan Ibn Hajar al-Haytamī itu.

1) Memahami ilmu dan kaedah pendidikan kanak-kanak

Walaupun ia tidak dinyatakan secara langsung dalam *Tahrīr al-Maqāl*, namun ia dapat diperhatikan dengan jelas dalam pendahuluan buku tersebut. Kata Ibn Hajar al-Haytamī:

Faqad warada 'alayya min ba'di ṣulahā' mu'addibī al-aṭfāl thāni jumāda al-ulā sanata sab'a wa-khamsīn wa-tis'imi'ah as'ilah mufahimah (Pada 2 Jumada al-Ula tahun 957, telah sampai kepadaku dari sebahagian pakar mu'addib [pendidik] kanak-kanak beberapa soalan yang sukar untuk dijawab, dan [menjadi] kemestian bagiku untuk menyemak jawapannya).¹⁴

Keseriusan Ibn Hajar al-Haytamī dalam menekankan kepentingan memahami ilmu dan kaedah pendidikan kanak-kanak ini lebih jelas kelihatan apabila beliau mengarang sebuah lagi

¹⁴ Al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, 23.

karya dalam bidang yang sama iaitu *Adāb al-Mu'allim wa'l-Muta'allim* selepas enam belas tahun iaitu pada tahun 973 H/ 1565 M sebagai kesinambungan kepada *Tahrīr al-Maqāl*. Ketika al-Sayfi¹⁵ menisbahkan kitab *Tahrīr al-Maqāl* kepada Ibn Hajar al-Haytamī, beliau menyatakan tentang wujudnya “*mu'allafan ka'l-dhayl 'alay-hi awsa' min-hu* (sebuah penulisan seperti ekor [penyambung] kepadanya yang lebih luas [perbahasan] darinya)¹⁶ iaitu merujuk kepada karya *Adāb al-Mu'allim wa'l-Muta'allim*.

Para ilmuwan Islam sememangnya amat mementingkan ilmu dan kaedah pendidikan kanak-kanak ini. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan banyak karya yang membahaskan perkara ini dan dinisbahkan kepada para ilmuwan Islam. Sebagai contoh ialah al-Imam Abu Hanifah (m. 150 H) dengan karya *al-Ālim wa'al-Muta'allim*, al-Jāhiz (m. 163 H) dengan karya *al-Mu'allimin*, Ibn Saḥnūn (m. 256 H) dengan karya *Ādab al-Mu'allimīn*, Abu Bakr al-Balkhi (m. 280 H) dengan karya *al-Ālim wa'al-Muta'allim*, al-Qābisī (m. 403 H) dengan karya *al-Risālah al-Mufaṣṣalah li-Aḥwāl al-Mu'allimīn wa'l-Muta'allimin*, Ibn Miskawayh (m. 421 H) dengan karya *Tahdhīb al-Akhlāq wa-Taḥhīr al-A'rāq*, Ibn Sīnā (m. 428 H) dengan karya *al-Siyāsah*, al-Khaṭīb al-Baghdādī (m. 462 H) dengan karya *al-Faqīh wa'al-Mutafaqiqih*, Ibn 'Abd al-Barr (m. 463 H) dengan karya *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa-Fadli-hi wa-mā Yanbaghi fi Riwayati-hi wa-Ḥamlī-hi*, al-Ghazzālī (m. 505 H) dengan karya *Ayyu-hā al-Walad*, al-Sam'āni (m. 562 H) dengan karya *Adab al-Imla' wa'al-Istimlā'*, al-Nawawī (m. 676 H) dengan karya *Ādāb al-'Ilm wa'al-Ālim wa'al-Muta'allim*, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751 H) dengan karya *Tuhfat al-Mawdūd bi-Aḥkām al-Mawlūd*, dan ramai lagi.

Secara umumnya, perbahasan yang diketengahkan dalam *Tahrīr al-Maqāl* lebih menjurus kepada pelajar yang merupakan anak yatim. Ini sekaligus menunjukkan kepada kategori umur belajar di sekolah (*maktab*). Pada masa itu masyarakat sekeliling

¹⁵ Abu Bakr bin Muḥammad bin 'Abdullah al-Sayfi hidup sebelum 973 H dan tidak diketahui tarikh kewafatannya. Beliau merupakan anak murid Ibn Hajar al-Haytamī yang menulis kitab *Nafāis al-Durar Fī Tarjamah Shaikh al-Islām Ibn Hajar*. Lihat Lamyā', *Ibn Hajar al-Makki wa Juhūdhu*, 78.

¹⁶ Lamyā', *Ibn Hajar al-Makki wa Juhūdhu*, 292.

cenderung kepada keterbukaan kategori umur belajar bagi anak-anak mereka.¹⁷

Jika ditelusuri latar belakang Ibn Hajar al-Haytamī, didapati sedikit sebanyak dapat diketahui sebab beliau mementingkan hal-hal seumpama ini. Ibn Hajar al-Haytamī sendiri ada menyatakan secara jelas dalam muqaddimah *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā* bahawa beliau menderita daripada gangguan sebahagian para pelajar yang hadir bersamanya ketika beliau menuntut ilmu di al-Azhar.¹⁸ Justeru, amatlah penting bagi seorang pendidik untuk memahami ilmu dan kaedah mendidik agar dengan yang demikian dapat mengelak daripada masalah gangguan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh seorang pendidik dengan tidak hanya tertumpu kepada penyampaian ilmu semata-mata, khususnya bagi para pendidik kanak-kanak.

2) Mengawali dengan mengajar al-Qur'an bagi kanak-kanak

Dalam dua maqsad yang terawal dalam *Tahrīr al-Maqāl*, Ibn Hajar al-Haytamī menyenaraikan hadis-hadis berkaitan dengan ahli al-Qur'an dan kelebihan mereka, dan kelebihan pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an serta mereka yang terlibat dengannya.¹⁹ Hal ini mengisyaratkan kepada keperluan untuk memulakan pengajaran dan pembelajaran ilmu al-Qur'an bagi kanak-kanak Muslim khususnya sebelum mereka mendalami cabang-cabang ilmu yang lain agar mereka memiliki asas yang kukuh, bahkan menjadi panduan kepada mereka dalam mendepani kehidupan. Perkara ini sebenarnya merupakan tradisi ilmuwan Muslim silam khususnya ilmuwan yang berbicara tentang pendidikan seperti Ibn Sahnūn.²⁰ Ini boleh dilihat dalam karya beliau yang bertajuk *Adāb al-Mu'allimīn* yang memulakan karyanya itu dengan bab yang bertajuk *Mā Jā'a fi Ta'līm al-Qur'ān* (Apa Yang Berkaitan Dengan Pengajaran al-Qur'an).

¹⁷ Sulaimān Hussain al-Mazīn, "Qirā'ah Tarbawiyah fi Adab al-Aṭfāl", *Majallat al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah*, 14, 1, (jan 2006), 243.

¹⁸ Al-Haytamī, *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*. 1:4.

¹⁹ Al-Haytamī, *Tahrir al-Maqāl*, 25 – 54.

²⁰ Ahmad Ubaedi Fathuddin, "Pemikiran Ibn Shahnun Tentang Belajar Mengajar al-Qur'an", *Forum Tarbiyah*, 8, 2, (2010), 193 – 202.

Dalam memperlihatkan kepentingan ini, beliau telah menyenaraikan hadis-hadis yang menyebut tentang kedudukan ahli al-Qur'an sebagai manusia yang mendapat perhatian khusus dari Tuhan, malah merupakan semulia-mulia umat Nabi Muhammad s.a.w. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad yang bermaksud: ((Sesungguhnya Allah SWT mempunyai ahli-ahli-Nya (*ahalīna*) daripada kalangan manusia, mereka itu ahli Allah dan pilihan-Nya)).²¹ Begitu juga dengan hadis-hadis yang menyebut tentang kedudukan pengajar dan pelajar al-Qur'an sebagai manusia yang terbaik, malah beroleh ganjaran yang istimewa di Akhirat kelak. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Imām Aḥmad juga yang bermaksud: ((Sebaik-baik kalian ialah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya)).²²

3) Memiliki niat yang jelas dalam pengajaran kanak-kanak

Perkara ini diberikan perhatian oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi perbahasannya dalam tiga maqsad dan beberapa bahagian daripada maqsad yang ketujuh iaitu ketika membincangkan tentang hukum mengambil upah ketika mengajar al-Qur'an. Beliau cenderung kepada hukum keharusan mengambil upah daripada pengajaran al-Qur'an. Berbeza dengan al-Imām Abu Ḥanīfah dan Ishāq bin Rahawayh yang berpandangan bahawa

²¹ Hadith riwayat Ibn Mājah, *man ta'allam al-Qurān wa 'allamahu*, no. Hadith 215. Lihat Abu 'Abdullah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fuād 'Abd al-Bāqī (t.tp: Dār 'Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t), 1:78.

²² Hadith riwayat Aḥmad, *Musnad al-'Asharah al-Mubashirīn bi al-Jannah*, no. Hadith 402. Al-Bukhārī, Bab Faḍāil al-Qurān, no. Hadith 5027. Abu Daud, bab Solat, no. Hadith 1452. al-Tirmidhi, kitab Faḍāil al-Qurān, no. Hadith 2907. dan Ibn Mājah, *bāb faḍl man ta'allam al-Qurān wa 'allamahu*, no. Hadith 211. Lihat Abu 'Abdullah Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1995), 1:336; Muḥammad bin Ismā'il, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir (t.tp., Dār ṭauq al-Najāh, 2001), 6:192; Sulaimān al-'Ash'ash al-Sijistānī, *Sunan Abi Daud*, (t.tp: Dār al-Risālah al-'Ilmiyyah, 2009), 2:582; Muḥammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, ed. Bashār 'Iwād Ma'rūf (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998) 5:23; dan Abu 'Abdullah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fuād 'Abd al-Bāqī (t.tp: Dār 'Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t), 1:76

tidak boleh mengambil upah dan balasan daripada pengajaran al-Qur'an.²³

Ibn Hajar al-Haytamī berkata:

Faal-ḥaqq al-ladhi shahidat bi-hi al-qawā'id al-uṣuliyah wa al-ḥadīthiyah jawāz akhdha al-'ujrah 'alā ta'līm al-Qur'ān bi-'aqd ṣaḥīḥ (Maka [pendapat] yang betul yang disaksikan oleh kaedah usul dan hadith [ialah] dibolehkan pengambilan upah ke atas pengajaran al-Qur'an yang berasaskan perjanjian yang sebaiknya).²⁴

Dalam memperlihatkan lagi kepentingan perkara ini, maqsad ketiga, keempat dan kelima kelihatan sengaja ditonjolkan oleh beliau sebelum beliau meneruskan perbincangan perkara yang lebih mendalam yang banyak dibincangkan dalam maqsad keenam dan ketujuh. Ibn Hajar al-Haytamī mengatakan:

Lam arā man jama'a ḥādhihi al-'aḥādīth fi ḥādhayn al-maqṣadayn wa-istawfā-humā kamā fa'altu fa'tani bi-ḥifzihimā (Aku belum pernah melihat seorang pun yang mengumpulkan ḥadis-hadis dalam dua maqsad ini dan mengumpulkannya dengan sempurna seperti mana yang telah aku lakukan, maka hendaklah engkau memberi perhatian [yang serius] untuk menghafal [menjaga] kedua-duanya [maqsad]).²⁵

4) Mengelak syahwat dan fitnah terhadap kanak-kanak

Pada maqsad yang keenam dalam *Tahrīr al-Maqāl*, Ibn Hajar al-Haytamī memberi peringatan kepada para pendidik agar tidak terjerumus ke dalam lembah syahwat atau fitnah terhadap kanak-kanak²⁶ ataupun yang dikenali pada masa kini dengan perbuatan 'Pedofilia'. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pedofilia adalah sejenis gangguan psikologi di mana seseorang individu tertarik secara seksual kepada kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh.²⁷ Justeru, menurut Ibn Hajar al-Haytamī,

²³ Al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, 79. Lihat Muḥammad Shams al-Ḥaqq Ābādī, 'Aun al-Ma'būd, (t.tp: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 1995) 9:204.

²⁴ Al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, 83.

²⁵ *Ibid.*, 71.

²⁶ *Ibid.*, 89.

²⁷ International Statistic Classification of Diseases and Related Health Problems: The ICD 10 Classification of Mental and Behavioural Disorders, World Health Organization. Bahagian F65.4, h.171.

terdapat kanak-kanak yang sebahagiannya memiliki wajah yang lembut dan menarik perhatian melebihi seorang wanita, dan kanak-kanak ini lebih dikenali dengan istilah *al-amrād*.²⁸

Ibn Hajar al-Haytamī menegaskan perkara ini dengan menyatakan tentang keharusan guru memandang wajah *al-amrād* tetapi perlu menjaga pandangannya seboleh mungkin kerana bimbang terhadap syahwat dan fitnah.²⁹ Menurut beliau lagi, secara hukum asalnya, adalah haram untuk seseorang melihat kepada wajah perempuan ajnabi walaupun wajahnya itu bersifat tua atau hodoh. Justeru, dalam hal yang berkaitan dengan *al-amrād*, adalah wajar bagi seseorang untuk berhati-hati walaupun pandangannya itu bebas daripada syahwat dan fitnah kerana mengambil langkah berjaga-jaga supaya tidak membawa kepada perkara yang tidak dingini.³⁰

Sebagai contoh, beliau menyenaraikan hadis-hadis yang mengisyaratkan bahawa pandangan mata manusia boleh dianggap sebagai salah satu daripada bentuk perzinaan, malah sebagai salah satu daripada panahan Iblis jika pandangan mata tersebut mengundang rasa syahwat atau membawa kepada fitnah. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Hākim yang bermaksud: ((Pandangan itu merupakan satu anak panah daripada anak-anak panah Iblis, barang siapa yang meninggalkannya kerana takutkan Allah, maka Allah akan tukarkannya dengan Iman yang dapat dirasai kemanisannya dalam hati)).³¹ Begitu juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī yang bermaksud: ((Tiga mata yang tidak akan melihat api neraka; 1) Mata yang berjaga pada jalan Allah, 2) Mata yang menangis kerana takutkan Allah, dan 3) Mata yang ditahan daripada melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah)).³²

²⁸ Menurut Ibn Manẓūr dalam *al-Lisān* “*murd (al-amrād)* : pemuda yang baru tumbuh janggut dan misainya. Lihat Ibn Manẓūr Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab*, (Bayrūt: Dār ṣadir, 1993) 3:401

²⁹ Al-Haytamī, *Tahrir al-Maqāl*, 97.

³⁰ *Ibid.*, 96.

³¹ Hadith riwayat al-Hākim, kitāb al-Raqāq, Bab uzhud fī al-Dunia yuḥibbukallah, no. Hadith 7875. Lihat Abu ‘Abdullah Muḥammad Bin ‘Abdullah al-Hākim, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣoḥiḥain*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1990) 4:349.

³² Hadith riwayat al-Ṭabarānī, bab al-Mīm, no. hadith 1003. Lihat Sulaimān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, (al-Qāhirah: Maktabah Ibn Taymiyah, 1994) 19:416.

5) Melaksanakan hukuman memukul (*ḍarb*) berdasarkan sebab dan cara yang benar serta betul terhadap kanak-kanak

Pada maqsad yang ketujuh,³³ Ibn Ḥajar al-Haytamī memberikan jawapan terhadap beberapa persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman memukul (*ḍarb*) terhadap kanak-kanak. hukuman memukul (*ḍarb*) secara fizikal seperti merotan merupakan perbahasan yang masyhur dalam kalangan ilmuwan Muslim silam. Pendapat imam mazhab yang empat mengharuskannya dengan pelbagai syarat kerana mereka menyatakannya sebagai salah satu daripada hukuman *ta'zīr* (denda).³⁴ Justeru, Ibn Ḥajar al-Haytamī turut membahaskan perkara yang sama, malah perbahasan mengenai hukuman memukul (*ḍarb*) secara fizikal ini merupakan perbahasan yang terpanjang dalam *Tahrīr al-Maqāl*. Sudut pandang jawapan beliau tersebut mungkin berasaskan kepada pengalaman hidup beliau sendiri sebagaimana yang beliau nyatakan:

Qāṣaytu ayḍan min al-īdhā' min ba'di ahl al-durūs allati kunnā nahḍuru-hā (Aku juga telah menderita daripada gangguan sebahagian pelajar yang hadir bersama kami dalam pembelajaran).³⁵

Beliau membicarakan secara khusus berkenaan hukuman memukul (*ḍarb*) secara fizikal tersebut yang boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. Hukuman haruslah mendapat keizinan daripada ayah, ibu atau penjaga kanak-kanak tersebut.³⁶
- b. Tujuan melaksanakan hukuman ialah untuk memperbaiki keadaan mereka seperti membangkitkan semangat untuk belajar dan sebagainya. Hal ini bergantung kepada pertimbangan pendidik untuk melihat kewajaran hukuman tersebut. Dilarang sama sekali pendidik melaksanakan hukuman itu dengan tujuan untuk menghalau pelajar dari sekolah, menyakitinya dan sebagainya.³⁷

³³ Al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, 99 – 154.

³⁴ Latīfah Ḥussin al-Kandari. *Ta'dīb al-Ṭīfl bi al-Luṭf lā bi al-'Unf*. (al-Kuwait: wizārah al-Tarbiyah, 2011), 78.

³⁵ Al-Haytamī, *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyah*, 1:4.

³⁶ Al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, 116.

³⁷ Al-Haytamī, *Tahrīr al-Maqāl*, 119.

- c. Hukuman dilaksanakan terhadap kesalahan yang datang daripada pelajar dengan syarat terdapat kesahan mengenai kesalahan itu melalui penyaksian sendiri oleh guru ataupun laporan daripada peribadi yang boleh dipercayai.³⁸
- d. Hukuman boleh dilaksanakan ke atas pelajar yang menyakiti guru itu sendiri.³⁹
- e. Hukuman perlu dilaksanakan secara setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan bukannya untuk mendera dan mencederakan.⁴⁰
- f. Tidak boleh melaksanakan hukuman di bahagian muka atau mana-mana bahagian yang boleh membunuh seperti kemaluan, bawah telinga atau kawasan tengkuk.⁴¹
- g. Hukuman yang dibuat beberapa kali perlu dibuat di bahagian anggota badan yang berasingan, tidak di satu tempat sahaja.⁴²
- h. Jika hukuman dibuat melebihi sekali, maka hukuman yang kedua harus mengambil kira tempoh masa yang boleh mengurangkan kesakitan daripada hukuman yang pertama.⁴³
- i. Ketika melakukan hukuman khususnya memukul, hanya bahagian lengan tangan bawah (pergelangan tangan hingga ke siku) sahaja yang boleh diangkat, manakala bahagian lengan tangan atas (siku hingga ke bahu) tidak boleh diangkat, apatah lagi jika ia boleh menampakkan kulit bawah bahagian lengan tangan atas. Jika kedua-dua bahagian lengan tangan bawah dan atas turut diangkat, ia boleh memberikan kekuatan tambahan kepada pukulan yang dilakukan.⁴⁴
- j. Bahagian lengan tangan bawah (pergelangan tangan hingga ke siku) perlulah diangkat agar dapat memberikan rasa pukulan kepada mereka yang dihukum. Jika tidak diangkat, maka pukulan tidak akan meninggalkan apa-apa rasa sakit kepada mereka yang dihukum.⁴⁵

³⁸ *Ibid.*, 119.

³⁹ *Ibid.*, 121.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*, 123.

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*, 124.

⁴⁵ *Ibid.*

- k. Alat yang digunakan untuk memukul haruslah terdiri daripada objek bersaiz sederhana, tidak terlalu besar atau terlalu kecil.⁴⁶
- l. Alat yang digunakan untuk memukul haruslah terdiri daripada sesuatu yang bersifat seperti rotan dan sebagainya.⁴⁷
- m. Alat yang digunakan untuk memukul haruslah bersifat pertengahan antara basah dan kering. Juga tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut.⁴⁸
- n. Hukuman boleh dilaksanakan lebih daripada tiga kali berdasarkan kepada tujuan hukuman dan keadaan yang tidak membawa mudarat kepada mereka yang dihukum.⁴⁹

6) Melatih kanak-kanak yang lebih cerdas untuk membantu rakan-rakannya yang lain

Ibn Hajar al-Haytamī membicarakan dalam *maqsad* yang ketujuh berkenaan keharusan meminta kanak-kanak yang lebih cerdas untuk mengajar rakan-rakannya yang lain.⁵⁰ Ibn Hajar al-Haytamī menyatakan bahawa hal itu diharuskan kerana beliau melihat ia bukannya bertujuan untuk mengurangkan beban tugas yang diamanahkan kepada guru, tetapi lebih kepada membantu kanak-kanak yang membantu rakan-rakannya yang lain itu untuk mengekalkan hafazan atau menambah latihan, malah memudahkan mereka dalam pengajian yang seterusnya.⁵¹

7) Merahmati, mengasihi dan mengambil berat hal-ehwal kanak-kanak

Pada penutup (*khatimah*) *Tahrīr al-Maqāl*, Ibn Hajar al-Haytamī menyenaraikan hadis-hadis yang menggalakkan para pendidik untuk merahmati dan mengasihi pelajar-pelajar mereka khususnya kanak-kanak, malah mengambil berat terhadap hal-ehwal diri mereka.⁵² Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud: (Barangsiapa yang tidak menyayangi,

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Al-Haytamī, *Tahrir al-Maqāl*, 129.

⁵⁰ *Ibid.*, 137.

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*, 159.

maka dia tidak akan disayangi).⁵³ Selain itu, Ibn Hajar al-Haytamī juga menyenaraikan hadis-hadis yang menyatakan tentang rahmat bagi manusia yang merahmati manusia yang lain dan penafian Nabi Muhammad s.a.w sebagai umat Baginda terhadap manusia yang tidak merahmati kanak-kanak yang kecil.⁵⁴ Justeru, seorang pendidik khususnya pendidik kanak-kanak haruslah bersifat merahmati dan mengasihi para pelajar mereka di samping mengambil berat hal-ehwal mereka agar kanak-kanak tersebut lebih bersedia untuk menerima didikan, dalam masa yang sama tidak mengabaikan hukuman terhadap mereka sekiranya mereka melakukan kesalahan dan kesilapan yang sewajarnya.

Penutup

Melalui perbincangan dalam *Tahrīr al-Maqāl*, Ibn Hajar al-Haytamī dalam hal pendidikan kanak-kanak dilihat amat mementingkan peribadi guru sebagai sosok yang memberi kesan yang besar terhadap kehidupan kanak-kanak itu sendiri. Selain sebagai seorang penyampai ilmu, Ibn Hajar al-Haytamī juga memperlihatkan guru sebagai seorang pentadbir setiap pelajarinya dari segenap sudut merangkumi kemahiran, akhlak, harta dan sebagainya.

Pendidikan kanak-kanak mendapat perhatian para ilmuwan Islam untuk dibicarakan dalam karya-karya mereka berdasarkan keperluan dan kepentingannya dalam pembangunan peribadi kanak-kanak. Ilmu dan kemahiran pendidikan awal kanak-kanak yang salah berpeluang menjadikan mereka tersasar daripada menjadi seorang manusia yang baik. Ibn Hajar al-Haytamī telah menyediakan satu dasar pendidikan kanak-kanak yang dibina berasaskan kerangka pemikiran Islam. Dasar tersebut seterusnya

⁵³ Hadith riwayat Bukhari, Kitab al-Adab, Bab rahmah al-Walad wa taqbiluhu wa mu'anaqatuhu, no. hadith 5997 dan Muslim, Kitab al-Faḍāil, bāb Raḥmatihi ṣallallāh 'alayhi wa sallam al-ṣibyān wa al-'iyāl wa tawādu'ihī wa faḍl zālik, no. hadith 2318. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir (t.tp., Dār ṭauq al-Najāh, 2001), 8:7 dan Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysaburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (Bayrūt: Dār 'Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 4:1808

⁵⁴ Hadith riwayat Bukhari, kitab adab al-Mufrad, bab faḍl al-kabīr, no. hadith 353. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhari, *al-Adab al-Mufrad*, (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, 1998) 184.

berupaya untuk diteliti lebih mendalam ke arah penerapannya dalam sistem pendidikan masa kini.

Para pendidik yang bertugas dalam mendidik kanak-kanak pastinya memiliki amanah dan tanggungjawab yang sangat berat untuk memastikan diri mereka selaku pendidik kanak-kanak melaksanakan amanah dan tanggungjawab tersebut dengan berlandaskan ilmu dan kaedah yang benar serta betul. Namun, berbahagialah bagi mereka yang diberikan dengan amanah dan tanggungjawab bersama kanak-kanak kerana mereka akan beroleh kebaikan yang berganda-ganda atas usaha untuk melahirkan manusia yang baik di atas muka bumi ini.

Bibliografi

- Abul Hasan Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysaburī, *Ṣahīh Muslim*, ed. Muḥammad Fuʿad ʿAbd al-Bāqī t.t.
- Abu ʿAbdullah Muʿammad Bin ʿAbdullah al-Ḥākīm, *al-Mustadrak ʿalā al-Ṣoḥīḥain*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, 1990.
- Abu ʿAbdullah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fuʿad ʿAbd al-Bāqī, t.tp: Dār ʿIḥyāʾ al-Kutub al-ʿArabiyyah, t.t.
- Abu ʿAbdullah Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-ʿImām Aḥmad*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1995
- Al-Sayfī, Abu Bakr bin Muḥammad. *Nafāis al-Durar Fī Tarjamah Syeikh al-Islam Ibn Hajar*, no. 26/6, Perpustakaan Universiti Malik Soud.
- Al-ʿAydarūs, ʿAbd al-Qādir bin Shaykh. *al-Nūr al-Sāfir ʿan Akhbār al-Qarn al-ʿĀshir*. Bayrūt: Dār Ṣādir, 2001.
- ʿAbd al-Muʿiz ʿAbd al-Ḥamīd. Ibn Ḥajar al-Haytami. al-Qāhirah: t.p, 1981.
- Ahmad Ubaedi Fathuddin, “Pemikiran Ibn Shahnun Tentang Belajar Mengajar al-Qur’an”, Forum Tarbiyah, 8, 2, (2010), <http://takeingcareofnewborn.blogspot.com/2011/09/how-western-and-eastern-philosophers.html> [23 Jun 2013]
- Ibn al-ʿImād, Shihāb al-Dīn ʿAbd al-Ḥayy. *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1986.
- Ibn Manzūr Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-ʿArab*, Bayrūt: Dār ṣadir, 1993.

- Al-Haytami, Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar. *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā*, t.tp: Dār al-Fikr, t.t.
- _____. *Tahrir al-Maqāl fī Ādāb wa Aḥkām wa Fawā'id Yaḥtāju Ilayha Mu'addib al-Aṭfāl*, sunt. Muhammad Nur al-Din Marbu Banjar al-Makki, al-Qāhirah: Majlis al-Banjari li al-Tafaqquh fī al-Dīn, 1997.
- International Statistic Classification of Diseases and Related Health Problems: The ICD 10 Classification of Mental and Behavioural Disorders, World Health Organization.
- Lamyā' Aḥmad Abdullah Shāfi'ī, "Ibn Ḥajar Al-Makkī wa Juhūdu-Hu Fi Al-Kitābah Al-Tārīkhiyyah", Tesis kedoktoran, Universiti Umm Al-Qurā, 1996.
- Al-Kandari, Laṭīfah Ḥussin. *Ta'dīb al-Ṭīfl bi al-Luṭf lā bi al-'Unf*, al-Kuwait: Wizārat al-Tarbiyah, 2011.
- Muḥammad bin 'Abd al-'Azīz, Ārā' Ibn Ḥajar al-Haytami al-Iṭiqādiyyah, Riyāḍ: Maktabah Dār al-Manhaj, 2006.
- Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukharī, *Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, t.tp: Dār Tauq al-Najāh, 2001.
- _____. *al-Adab al-Mufrad*, al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, 1998.
- Muḥammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *al-Jāmi' al-Kabīr*, ed. Bashār 'Iwād Ma'rūf, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998
- al-Ghazzi, Najm al-Dīn Muḥammad. *al-kawākib al-Sā'irah bi 'A'yāni al-Mi'ah al-'Ashirah*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1997.
- Muḥammad Shams al-Ḥaq Ābādi, *'Aun al-Ma'būd*, t.tp: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1995.
- Al-Sarjāni, Rāghib. *Qiṣṣah al-'Ulūm al-Ḥadārah al-Islamiyyah*. al-Qāhirah: Mu'assasah Iqra', 2009.
- Sulaimān Hussain al-Mazīn, "Qirā'ah Tarbawiyyah fī Adab al-Aṭfāl", Majallah al-Jāmi'ah al-Islāmiyah, jil. 14, bil. 1, 2006.
- Sulaimān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, al-Qāhirah: Maktabah Ibn Taymiyah, 1994.
- Sulaimān al-'Ash'ash al-Sijistānī, *Sunan Abi Daud*, t.tp: Dār al-Risālah al-'Ilmiyyah, 2009.

